

# Rapatkan 12 semula jurang ideologi — Shahrizat

UM - 6 DEC 1990

KUALA LUMPUR 5 Dis. — Masyarakat sekitar Lembah Pantai diseru agar rapatkan semula jurang yang wujud akibat perbezaan ideologi politik untuk sama-sama menjayakan pelbagai agenda yang lebih penting.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Datuk Shahrizat Abdul Jalil berkata, segala persengketaan yang timbul terutama semasa pilihan raya baru-baru ini perlu diketepikan demi kebaikan bersama.

“Buat sementara waktu, kita ketepikan dulu ideologi politik masing-masing kerana banyak agenda lain yang perlu dilaksanakan dengan kerjasama semua.

“Antaranya ialah menangani masalah setinggan yang mana Lembah Pantai merupakan kawasan yang mempunyai jumlah setinggan paling tinggi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan program Millennium Charity Brunch anjuran Persatuan Kebangsaan Usahawan Wanita Malaysia (NAWEM) di sini, hari ini.

Shahrizat turut mengingatkan kaum wanita agar terus menjadi faktor kestabilan dalam sesebuah masyarakat dengan menerapkan nilai-nilai positif secara berterusan.

“Wanita bertanggungjawab mempertahankan semua nilai positif yang sama-

kin pupus akibat ideologi politik sama ada di dalam keluarga, masyarakat atau pun negara.”

Berhubung desas-desus pelantikan beliau sebagai timbalan menteri, Shahrizat enggan mengulas lanjut dan menyerahkan perkara tersebut kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Millennium Charity Brunch merupakan program amal tahunan NAWEM yang bertujuan mengutip derma untuk disumbangkan kepada badan-badan tertentu.

Sebanyak RM80,000 dijangka dikutip dan ia akan disalurkan kepada Kelab Awam Wanita Sri Surti, Pondok Warga Emas, Yayasan Latihan Insan Istimewa, Pusat Lanjutan Pemulihan Kinta dan Pusat Dialisis Charis-NKF Cheras.